

29/01/2001

Kebajikan tentera diberi keutamaan

DI Malaysia, perkhidmatan tentera dianggap amat penting dalam apa juga keadaan. Perkhidmatan tentera sentiasa relevan pada setiap masa, sama ada ketika aman atau ketika tenaga mereka diperlukan di medan perang. Menyedari kepentingan inilah, perkhidmatan tentera diletakkan di bawah sebuah kementerian - Kementerian Pertahanan. Tidak banyak perkhidmatan lain yang diletakkan khusus di bawah sebuah kementerian khas. Ini jelas membuktikan kerajaan sentiasa mengambil berat fungsi yang dimainkan oleh pasukan tentera, walaupun ia bukanlah sebuah kementerian yang boleh menggerakkan kegiatan ekonomi. Tetapi, kaitannya dengan ekonomi amat besar. Jika keselamatan negara sentiasa terancam, kegiatan ekonomi juga tidak boleh digerakkan. Pelabur juga tidak ingin menanam modal sekiranya tidak ada jaminan keselamatan di negara ini. Namun, mengakui kepentingan pasukan tentera saja, mungkin tidak lengkap tanpa mengambil kira kepentingan dan kebajikan anggotanya. Sebagai rakyat, mereka juga membuat perbandingan taraf hidup diri dan keluarga mereka dengan kumpulan lain dalam sektor yang lain. Perasaan tidak puas hati pasti tercetus jika masalah mereka tidak dihiraukan. Atas alasan ini jugalah, kerajaan tidak mahu berlengah-lengah lagi memenuhi permintaan mereka. Cuma, anggota tentera perlulah bersabar kerana tidak semua permintaan boleh ditunaikan dalam sekelip mata. Jika mampu, kerajaan tentu mahu menunaikan semua tuntutan daripada semua rakyat. Tetapi, disebabkan ada batasannya, setiap tuntutan perlu dikaji bagi mengelak seluruh rakyat menderita. Rasanya, anggota tentera boleh berasa lega kerana jaminan untuk memberi kemudahan sewajarnya kepada mereka datang daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri. Berikutan itu, satu kajian sedang dijalankan mengenai skim perkhidmatan tentera, termasuk pembayaran elaun dan kemudahan perumahan kepada mereka. Dengan pelbagai kemudahan yang akan disediakan kelak, diharapkan profesion dalam ketenteraan akan menjadi rebutan semula. Sebelum ini, profesion ketenteraan begitu diminati golongan muda. Selain berpakaian segak, profesion ini mengajar erti disiplin di kalangan anggotanya. Disebabkan tidak ada ancaman keselamatan dan tidak ada kempen besar-besaran, usaha menarik golongan muda menyertai tentera kurang digerakkan. Tambahan pula, peluang untuk mendapat pekerjaan di sektor lain, terbuka luas. Mungkin juga golongan muda berasakan bahawa keistimewaan kepada tentera, kurang diberikan.

Inilah masanya kerajaan perlu mengubah semula persepsi masyarakat terhadap profesion dalam tentera. Sekiranya skim baru perkhidmatan yang sedang dikaji menarik, rasanya tidak sukar pelbagai jawatan dalam pasukan itu, dapat diisikan. Oleh itu, kesetiaan mereka kepada kerajaan pun, tidak perlu dibimbangkan lagi. Tidak dinafikan sebelum ini memang ada anggota tentera yang berasakan kebajikan mereka tidak dihiraukan. Sepatutnya masalah ini dapat diselesaikan tiga tahun lalu. Tetapi, disebabkan ketika itu negara dilanda kegawatan ekonomi, segala perancangan terbantut. Hanya sekaranglah waktunya kajian mengenainya boleh diusahakan setelah Malaysia mula bebas daripada cengkaman masalah ekonomi. Diharapkan, kajian mengenai skim perkhidmatan tentera itu dapat disiapkan awal bagi mengelakkan mereka ternanti-nanti terlalu lama.

(END)